



27 Ogos 2025
27 August 2025
P.U. (A) 272

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN
(KAJIAN SEMULA PEMBERIAN KHAS
DI BAWAH PERKARA 112D) (NEGERI SARAWAK) 2025

*FEDERAL CONSTITUTION
(REVIEW OF SPECIAL GRANT UNDER ARTICLE 112D)
(STATE OF SARAWAK) ORDER 2025*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

PERINTAH PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN (KAJIAN SEMULA PEMBERIAN KHAS
DI BAWAH PERKARA 112D) (NEGERI SARAWAK) 2025

BAHAWASANYA menurut Fasal (1) Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan, pemberian khas yang dibuat kepada Negeri Sarawak yang dinyatakan dalam perenggan (a) Fasal (1) Perkara 112C Perlembagaan Persekutuan hendaklah dikaji semula oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak;

DAN BAHAWASANYA suatu kajian semula telah dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak pada 12 September 2024;

DAN BAHAWASANYA hasil kajian semula tersebut Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak bersetuju bahawa selama tempoh tujuh tahun mulai 2023 hingga 2029 di bawah Fasal (3) Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan hendaklah membuat pemberian khas kepada Kerajaan Negeri Sarawak, berkenaan dengan setiap tahun kewangan tersebut;

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (1) Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perlembagaan Persekutuan (Kajian Semula Pemberian Khas di bawah Perkara 112D) (Negeri Sarawak) 2025**.

Pemberian khas

2. (1) Bagi tempoh tujuh tahun berkuat kuasa mulai 1 Januari 2023, Kerajaan Persekutuan hendaklah membuat kepada Negeri Sarawak, berkenaan dengan tahun kewangan 2023, 2024, 2025, 2026, 2027, 2028 dan 2029, pemberian masing-masing berjumlah RM300 juta, RM306 juta, RM600 juta, RM600 juta, RM600 juta, RM600 juta dan RM600 juta.

(2) Berkenaan dengan tahun kewangan 2023, pemberian berjumlah RM300 juta telah dibayar oleh Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Sarawak pada 16 Jun 2023 (RM16 juta) dan 28 November 2023 (RM284 juta).

(3) Berkenaan dengan tahun kewangan 2024, pemberian berjumlah RM306 juta telah dibayar oleh Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Sarawak pada 11 Jun 2024 (RM300 juta) dan 19 Ogos 2024 (RM6 juta).

Pembatalan

3. Perintah Perlembagaan Persekutuan (Kajian Semula Pemberian Khas di bawah Perkara 112D) (Negeri Sarawak) 2023 [*P.U. (A) 365/2023*] dibatalkan.

Dibuat 7 Ogos 2025

[MOF.NBO(R)600-8/4/1 JLD.6 sk.12 (15); PN(PU2)171/JLD.26]

Dengan Titah Perintah

ANWAR BIN IBRAHIM
Menteri Kewangan

FEDERAL CONSTITUTION

FEDERAL CONSTITUTION (REVIEW OF SPECIAL GRANT UNDER ARTICLE 112D)
(STATE OF SARAWAK) ORDER 2025

WHEREAS by virtue of Clause (1) of Article 112D of the Federal Constitution, the special grants made to the State of Sarawak as specified in paragraph (a) Clause (1) of Article 112C of the Federal Constitution shall be reviewed by the Governments of the Federation and the State of Sarawak;

AND WHEREAS a review was held by the Governments of the Federation and the State of Sarawak on 12 September 2024;

AND WHEREAS the said review has resulted in the Government of the Federation and the State of Sarawak agreeing that for the period of seven years from 2023 to 2029 made under Clause (3) of Article 112D of the Federal Constitution, the Government of the Federation shall make special grants to the Government of the State of Sarawak, in respect of each financial year;

NOW, THEREFORE, in exercise of the powers conferred by Clause (1) of Article 112D of the Federal Constitution, the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Federal Constitution (Review of Special Grant under Article 112D) (State of Sarawak) Order 2025**.

Special grant

2. (1) For the period of seven years with effect from 1 January 2023, the Government of the Federation shall make to the State of Sarawak, in respect of the financial years 2023, 2024, 2025, 2026, 2027, 2028 and 2029, grants in the amount of RM300 million, RM306 million, RM600 million, RM600 million, RM600 million, RM600 million and RM600 million respectively.

(2) In respect of the financial year 2023, the grant of RM300 million was paid by the Government of the Federation to the State of Sarawak on 16 June 2023 (RM16 million) and 28 November 2023 (RM284 million).

(3) In respect of the financial year 2024, the grant of RM306 million was paid by the Government of the Federation to the State of Sarawak on 11 June 2024 (RM300 million) and 19 August 2024 (RM6 million).

Revocation

3. The Federal Constitution (Review of Special Grant under Article 112D) (State of Sarawak) Order 2023 [*P.U. (A) 365/2023*] is revoked.

Made 7 August 2025
[MOF.NBO(R)600-8/4/1 JLD.6 sk.12 (15); PN(PU2)171/JLD.26]

By Command

ANWAR BIN IBRAHIM
Minister of Finance